

BN boleh kalah jika pemimpin terus berselisih

UM 20 JUL 2002

KUALA LUMPUR 27 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) bahawa BN boleh dikalahkan jika perselisihan faham di kalangan pemimpin parti berterusan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana keadaan yang tidak stabil itu boleh memberi peluang kepada puak-puak ekstremis untuk mencari pengaruh dan berkembang.

Beliau yang juga Pengerusi RN berkata, apabila parti atau pemimpin lemah, atau mereka bersengketa, agak mudah bagi mereka tertarik dengan ekstrimisme untuk mendapat sokongan.

Menurutnya, keadaan itu pula boleh menyebabkan parti-parti komponen yang lain dalam BN menggunakan perkauman yang ekstrem untuk melawan sesama parti komponen.

“Dan BN akan menjadi lemah. Jangan fikir BN tidak boleh dikalahkan. Ia boleh dikalahkan bukan kerana parti lawan lebih kuat atau lebih baik tetapi kerana kelemahan BN kerana kelemahan parti-parti komponen BN,” tegasnya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-49 di Wisma MCA di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pre-

siden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu dan pemimpin parti-parti komponen BN yang lain.

Dr. Mahathir menegaskan, ahli-ahli BN tidak boleh membenarkan parti-parti komponen BN terutama yang besar menjadi lemah berikutan berlakunya perselisihan faham dalam parti.

“Ingatlah, jika kita mempunyai majoriti yang kecil, kita tidak dapat tegas dalam memerintah negara. Pemerintahan yang tidak kuat tidak akan dapat menangani masalah perkauman,” katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, rakyat Malaysia juga tidak boleh membenarkan parti lawan yang mempunyai sikap radikal dan tidak toleran memegang kuasa pemerintahan.

Katanya, jika mereka menang, segala-gala yang ada di Malaysia akan berubah, negara akan menjadi mundur, rakyat akan merasa tertekan dan tidak ada kebebasan budaya serta agama yang tidak se-cocok dengan mereka, seperti yang dapat dilihat di Kelantan dan Terengganu.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin BN perlu bertolak ansur untuk menyelesaikan perselisihan faham yang berlaku.

Katanya, tidak ada pihak yang mesti menang, sebaliknya yang harus menang ialah parti dan parti akan menang jika ahli-ahli memberi keutamaan kepada parti dan bukan kepada mana-mana pemimpin parti atau kelompok dalam parti.

Bagi kaum Cina, Perdana

Menteri juga mengingatkan bahawa nasib dan masa depan kaum itu di Malaysia bergantung kepada kekuatan parti-parti yang mewakili mereka dalam BN.

Justeru, tegasnya, kesederhanaan harus dikekalkan dan persengketaan harus dielakkan bagi memastikan BN te-

rus kuat, harmoni dan stabil sementara negara terus aman dan maju.

Katanya, konsep dan asas BN yang dicipta oleh pakatan UMNO, MCA dan MIC dalam Perikatan dahulu harus sentiasa dijunjung tanpa mengira betapa hebatnya atau popularnya kita sebagai pemimpin.